



BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

1. Siapakah pemerintah tertinggi dan ketua kerajaan bagi sesebuah kerajaan berdaulat?

Buku
Teks
m.s. 4

- A Raja
B Residen
C Gabenor
D Perdana Menteri

Tahap Kesukaran: Rendah/Konstruk: Mengingat

2. Raja atau sultan merupakan pemerintah _____ bagi sesebuah kerajaan berdaulat.


Buku
Teks
m.s. 4

- A terendah
B tertinggi
C terbuka
D terikat

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Menilai

3. Rajah berikut menunjukkan Hierarki dalam Sistem Pemerintahan Melayu Awal.

Buku
Teks
m.s. 4



Apakah kedudukan hierarki bagi Y?

- A Sultan
B Menteri Besar
C Perdana Menteri
D Pembesar

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Mengingat

4. Apakah yang dimaksudkan dengan kerajaan?

Buku
Teks
m.s. 4

- A Ditadbir secara sah
B Melalui penjajahan
C Campur tangan kuasa asing
D Berbentuk boneka

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Menilai

5. Maklumat berikut berkaitan negeri yang mengamalkan institusi raja.

Buku
Teks
m.s. 5

Negeri X
Rajanya digelar sebagai Yang di-Pertuan Besar atau Yamtuan Besar.

Apakah negeri X?

- A Terengganu
B Negeri Sembilan
C Pulau Pinang
D Selangor

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Menilai

6. Waadat antara Seri Teri Buana dan Demang Lebar Daun merupakan asas pembentukan sikap _____.

Buku
Teks
m.s. 6

- A pemberontakan
B keharmonian
C kepatuhan
D taat setia

Tahap Kesukaran: Tinggi/Konstruk: Menilai

7. Sikap taat setia rakyat terhadap raja telah terjalin sejak zaman dahulu lagi.

Buku
Teks
m.s. 6

Siapakah yang melakukan waadat atau perjanjian antara raja dengan rakyat seperti yang dinyatakan di dalam buku *Sulalatus Salatin*?

- I Pak Kadok
II Seri Teri Buana
III Demang Lebar Daun
IV Hang Tuah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Tahap Kesukaran: Tinggi/Konstruk: Mengenalpasti

8. Soalan berikut berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Buku
Teks
m.s. 7

Raja atau sultan merupakan ketua bagi sesebuah kerajaan yang perlu ditaati dan disanjung oleh rakyat jelata.

- Apakah yang dimaksudkan dengan daulat?
- A Kekuasaan tertinggi
 - B Kuasa sakti
 - C Kuasa menghukum
 - D Kuasa melaksanakan arahan

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Menilai

9. Sekiranya anda dilantik sebagai raja dan mentadbir sebuah negeri, bagaimanakah anda mendapatkan kepercayaan daripada rakyat jelata?

Buku
Teks
m.s. 7

- I Berlaku adil kepada semua
 - II Bijak dalam membuat keputusan
 - III Beremosi ketika mengeluarkan perintah
 - IV Bertindak kejam dan perlakuan ganas
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Tahap Kesukaran: Tinggi/Konstruk: Menjana idea

10. Siapakah yang dilantik untuk mengurus pentadbiran negeri semasa zaman pemerintahan British?

Buku
Teks
m.s. 8

- A Penasihat British C Pembesar
B Gabenor Jepun D Raja

Tahap Kesukaran: Rendah/Konstruk: Mengingat

11. Antara berikut yang manakah menunjukkan ciri-ciri institusi raja semasa Kerajaan Melayu Awal.

Buku
Teks
m.s. 8

- I Ketua kerajaan ialah raja atau sultan
 - II Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan
 - III Pentadbiran negara diketuai Perdana Menteri
 - IV Raja atau sultan berkuasa mutlak
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Tahap Kesukaran: Tinggi/Konstruk: Menganalisis

12. Jadual berikut mencatatkan ketua negeri di negara kita.

Buku
Teks
m.s. 9

Ketua Negeri	Negeri
Raja	X

Apakah X?

- A Kedah
- B Perak
- C Sarawak
- D Perlis

Tahap Kesukaran: Rendah/Konstruk: Mengingat

13. Berapakah buah negara yang masih mengamalkan institusi raja?

Buku
Teks
m.s. 10

- A 43
- B 53
- C 44
- D 40

Tahap Kesukaran: Rendah/Konstruk: Mengingat

14. Apakah kepentingan sikap taat setia terhadap institusi raja?

Buku
Teks
m.s. 10

- I Masyarakat pelbagai kaum hidup berpecah belah
 - II Negara akan huru-hara
 - III Institusi raja akan kekal utuh
 - IV Perpaduan antara masyarakat dapat diwujudkan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Tahap Kesukaran: Tinggi/Konstruk: Mengaplikasi

15. Antara berikut, negara manakah yang tidak mengamalkan institusi raja?

Buku
Teks
m.s. 10-11


- A Thailand
- B Malaysia
- C Singapura
- D Maghribi

Tahap Kesukaran: Sederhana/Konstruk: Menganalisis

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

I. Nyatakan kepentingan menghargai institusi raja di negara kita.



BAHAGIAN C

Jawab semua soalan.

I. (a) Nyatakan negara yang mempunyai institusi raja di dunia.

[2 markah]

(b) Sekiranya anda menjadi raja, bagaimanakah kedudukan semasa zaman pendudukan Jepun?

[3 markah]